







| | |
|--|---|
| <p>Fasal 1</p> | <p><u>Nama:</u></p> <p>Nama Pertubuhan ini ialah Persatuan Kebajikan, Sukan Dan Kebudayaan Kakitangan Yayasan Selangor selepas ini disebut " Persatuan" sahaja.</p> |
| <p>Fasal 2</p> | <p><u>TEMPAT URUSAN:</u></p> <p>(1) Alamat berdaftar dan tempat urusan Persatuan ialah Tingkat 18, Menara Yayasan Selangor, No 18A Jalan Persiaran Barat, 46000 Petaling Jaya, Selangor atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Pentadbiran.</p> <p>(2) Alamat untuk surat menyurat ialah Tingkat 18, Menara Yayasan Selangor, No 18A Jalan Persiaran Barat, 46000 Petaling Jaya, Selangor. Alamat akan berubah mengikut kedudukan dan alamat Ibu Pejabat Yayasan Selangor.</p> <p>(3) Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Persatuan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftaran Pertubuhan terlebih dahulu.</p> |
| <p>Fasal 3</p>       | <p><u>BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA:</u></p> <p>1. NASIONAL BENTUK</p> <p>Logo Yayasan Selangor diletakkan di bahagian tengah logo Persatuan sebagai lambang bahawa Yayasan Selangor sentiasa berperanan sebagai 'core-centre' atau induk utama bagi sebarang aktiviti yang dilaksanakan oleh Persatuan. Ini juga menunjukkan bahawa, walau di mana sahaja Persatuan berada, nama dan imej Yayasan Selangor sentiasa dibawa bersama.</p> <p>Nama Persatuan (PKSKKYS) diletakkan di bawah merintanginya untuk menunjukkan sokongan padu pada Persatuan ke arah memperkasakan tunjang utama matlamat persatuan melalui integrasi tiga teras utama. Persatuan iaitu Kebajikan, Sukan dan Kebudayaan. Tiga komponen ini diterapkan dalam Persatuan dengan tujuan melahirkan tenaga kerja pakar yang seimbangkan jasmani, emosi, social dan intelek.</p> <p>Jalur merah-kuning: melambangkan warna bendera Negeri Selangor yang menunjukkan bahawa Yayasan Selangor berada di bawah naungan Kerajaan Negeri Selangor. Jalur biru melambangkan organisasi Persatuan yang sentiasa beriltizam dan bermuafakat dalam merelisasi matlamat Persatuan selaras dengan moto Persatuan yang bertujuan membentuk satu integrity melalui permuafakatan dan iltizam yang tinggi.</p> <p>Lambang bulan sabit atas dan bawah melambangkan Agama Islam menjadi landasan utama pegangan ahli Persatuan. Warna kuning dipilih sebagai lambang mendukung kedaulatan ke bawah DYMM Tuanku Sultan Selangor Darul Ehsan. Gabungan dua bulan sabit atas dan bawah yang membentuk bulatan penuh berwarna putih simbolik kepada perkhidmatan Persatuan yang telus dan jujur.</p> <p>Bentuk perisai ini melambangkan kekuatan, keutuhan serta ketinggian nilai Persatuan, di mana ahli-ahlinya sentiasa bersatu pada dalam kearah kecemerlangan. Bentuk segitiga berwarna biru muda yang terangkum dalam perisai ini mewakili tiga komponen utama Persatuan iaitu KEBAJIKAN, SUKAN DAN KEBUDAYAAN. Kekuatan dan keutuhan perisai ini akan berperanan sebagai pelindungan kepada warga kerja Yayasan Selangor.</p> <p>2. RASIONAL WARNA</p> <p>Warna merah adalah symbol keberanian serta keazaman untuk mencapai kejayaan yang tidak pernah luntur</p> <p>Warna kuning melambangkan kehormatan, ketahanan, kemajuan dan daya saing.</p> <p>Warna biru adalah warna alam iaitu laut dan langit yang bersifat global yang melambangkan keharmonian, ketenangan dan keamanan. Biru juga menonjolkan imej korporat yang kukuh dan stabil.</p> <p>Warna putih melambangkan keluhuran, kemurnian dan keikhlasan dalam memikul amanah.</p> |

| | |
|---|--|
| <p>TEGUH,</p> <p>PERIHATIN,</p> <p>SAKSAMA</p> | <p>3. RASIONAL MOTTO: TEGUH, PERIHATIN, SAKSANA</p> <p>TEGUH : Memberi erti bahawasanya, Persatuan yang telah ditubuhkan sejak 13hb Januari 1982 masih relevan dan berdiri teguh mendokong cita-cita Yayasan Selangor dan harapan kakitangan dalam hal-hal kebajikan, sukan dan kebudayaan sejak penubuhannya, kini dan selamanya.</p> <p>PERIHATIN : Memberi erti bahawasanya, Persatuan sentiasa perihatan dan memberi khidmat dan bantuan segera kepada ahli-ahli yang memerlukan bantuan dan sokongan.</p> <p>SAKSAMA : Memberi erti bahawasanya, Persatuan sentiasa komited memberi layanan yang terbaik dan adil dalam melaksanakan tanggungjawab dan menjalankan aktiviti terhadap semua ahli-ahlinya tanpa mengira kedudukan dan jawatan di dalam organisasi.</p> |
| <p>Fasal 4</p> | <p><u>TUJUAN / MATLAMAT:</u></p> <p>Tujuan Persatuan ditubuhkan adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> (1) Mendorong serta menggalakan pertubuhan pergaulan yang sihat, perpaduan, persahabatan dan mengekalkan perasaan mahabbah di kalangan ahli Persatuan serta memupuk semangat kekeluargaan di kalangan ahli dan keluarga. (2) Melaksanakan program-program riadhah dan aktiviti sosial bagi memperkukuhkan ikatan ukhuwah dan sillaturrahim di kalangan ahli dan keluarga ahli. (3) Memupuk kemesraan, keharmonian dan toleransi di kalangan ahli. (4) Membantu meninggikan taraf kehidupan ahli-ahli keluarga disamping mendorong dan memajukan mereka khususnya dalam bidang pendidikan, sukan, kebudayaan dan aktiviti sosial. (5) Mengalakkan semangat bantu membantu di kalangan dan keluarga dalam urusan kebajikan harian seperti urusan perkahwinan, kematian, pendidikan anak-anak ahli dan urusan yang difikirkan bersesuaian samada melalui bantuan kewangan atau tenaga. (6) Memberi derma/sumbangan dan sokongan berupa tenaga dan juga kewangan kepada orang perseorangan, persatuan, pertubuhan atau organisasi yang difikirkan perlu dan munasabah. (7) Mengeluarkan buletin, majalah rasmi dan lain risalah Persatuan. (8) Menjalankan aktiviti ekonomi melalui pengumpulan dana/wang, membuat pelaburan/menanam modal, membeli dan memiliki saham-saham, membeli dan memiliki harta teralih dan tidak teralih untuk menambah dana kewangan Persatuan. (9) Bekerjasama dengan organisasi khususnya Yayasan Selangor dalam membantu ahli ke arah memupuk budaya kerja cemerlang dan perkhidmatan. (10) Mengambil langkah dan tindakan difikiran perlu dan munasabah bagi memaju dan melaksanakan segala tujuan-tujuan yang tersebut di atas. (11) Taat setia kepada Negeri dan Negara. |
| <p>Fasal 5</p> | <p><u>KEAHLIAN:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> (1) <u>Menjadi Ahli Persatuan:</u> <ol style="list-style-type: none"> (a) Keahlian adalah terbuka kepada semua Warganegara Malaysia yang berumur Lapan Belas (18) tahun ke atas yang dilantik sebagai warga kerja Yayasan Selangor. (b) Untuk menjadi ahli, pemohon hendaklah membuat permohonan menjadi ahli dengan dicadangkan dan disokong oleh 2 orang ahli dan seterusnya dihantar kepada Setiausaha yang dikehendaki mengemukakan permohonan itu dengan secepat mungkin kepada Jawatankuasa Pentadbiran untuk diluluskan. (c) Jawatankuasa boleh mengikut budibicaranya menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya. (d) Tiap-tiap pemohon yang permohonannya telah diluluskan seperti tersebut di atas, hendaklah setelah membayar bayaran masuk dan yuran bulanan pertama yang ditetapkan diterima menjadi ahli Persatuan dan hendaklah ia menjadi ahli. (2) <u>Ahli –ahli Persatuan adalah terdiri daripada:</u> <ol style="list-style-type: none"> (a) <u>Ahli-Ahli Blasa:</u> <ol style="list-style-type: none"> I. Terbuka kepada warga kerja Yayasan Selangor II. Berhak mengambil bahagian dan mengundi dalam Mesyuarat Agung Persatuan III. Berhak dilantik untuk memegang sesuatu jawatan samada di dalam Mesyuarat Persatuan atau dengan pilihan Jawatankuasa Pentadbiran. IV. Berhak menerima bantuan dan menggunakan kemudahan yang diadakan Persatuan. |

| | |
|--------|---|
| | <p>(b) Ahli-Ahli Kehormat:</p> <ol style="list-style-type: none"> I. Ahli kehormat boleh dilantik daripada seseorang yang dipandang berjasa kepada Persatuan atau kepada masyarakat. II. Lantikan ahli kehormat hendaklah dengan syor Jawatankuasa Pentadbir dan dipersetujui oleh Mesyuarat Agung Persatuan dengan mendapat undian dua pertiga (2/3) daripada ahli biasa yang ada dalam mesyuarat itu. III. Ahli kehormat berhak hadir dan mengambil bahagian dalam mesyuarat tetapi berhak mengundi dan tidak boleh dilantik memegang jawatan dalam Persatuan. <p>(c) Ahli-Ahli Bersekutu:</p> <ol style="list-style-type: none"> I. Ahli Bersekutu terbuka kepada semua orang yang dapat memberi bantuan atau telah berjasa kepada Persatuan yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun. II. Seorang pelajar universiti atau kolej universiti tidak boleh diterima menjadi ahli Persatuan ini kecuali ia telah dibenarkan secara bertulis terlebih dahulu daripada Naib Canselor universiti berkenaan. III. Orang hendak menjadi Ahli Bersekutu hendaklah memohon dengan mengisi borang yang ditentukan dan disokong oleh (2) orang ahli biasa. Permohonan itu hendaklah disahkan dan mendapat kelulusan Jawatankuasa Pentadbiran Persatuan terlebih dahulu sebelum diterima menjadi ahli. IV. Ahli Bersekutu boleh terlibat dalam Mesyuarat Agung tetapi tidak berhak memegang sesuatu jawatan di dalam Persatuan dan tidak boleh mengundi dalam Mesyuarat Agung Persatuan. V. Ahli Bersekutu boleh memberi padangan bagi menambahbaik perjalanan Persatuan dan berhak menerima kemudahan yang diadakan oleh Persatuan berdasarkan kepada terma dan garis panduan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pentadbir. |
| Fasa 6 | <p><u>BAYARAN MASUK YURAN DAN BAYARAN LAIN:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> (1) Bayaran yuran yang perlu dijelaskan oleh ahli biasa adalah seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> a) Yuran Masuk RM5.00(Ringgit : Lima sahaja) b) Yuran Bulanan RM10.00(Ringgit : Sepuluh sahaja) (2) Yuran bualan hendaklah dijelaskan kepada Bendahari terlebih dahulu melalui gaji tiap-tiap bulan. (3) Ahli Biasa atau Ahli Bersekutu yang membiarkan hutang yurannya lebih daripada dua (2) bulan akan diberikan surat peringatan yang ditandatangani oleh Setiausaha atau wakilnya, dan hilangkan hak-hak keistimewanya sebagai ahli sehingga hutangnya dijelaskan (4) Ahli Biasa atau Ahli Bersekutu yang membiarkan hutang sebanyak lebih dari jumlah yuran bagi tiga (3) bulan dengan sendirinya terhenti daripada menjadi ahli Persatuan dan Jawatankuasa boleh memerintahkan supaya tindakan yang sah diambil terhadapnya dengan syarat mereka berpuas hati yang ahli itu telah menerima kenyataan berkenaan hutangnya terlebih dahulu. (5) Jawatankuasa mempunyai kuasa menetapkan yuran masuk semula bagi sesiapa yang membiarkan keahliannya terlucut disebabkan hutang. (6) Yuran khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara yang tertentu boleh dipungut dengan persetujuan Mesyuarat Agung ahli-ahli. (7) Ahli kehormat tidak dikenakan apa-apa yuran. (8) Ahli Bersekutu dikenakan Yuran Kemasukan sebanyak RM 10.00(Ringgit: Sepuluh sahaja) dan Yuran Bulanan RM 10.00 (Ringgit: Sepuluh sahaja). Bayaran boleh dilakukan secara bulanan atau tahunan. |
| Fasa 7 | <p><u>PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> (1) Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli Persatuan hendaklah memberi kenyataan bertulis empat belas (14) hari terlebih dahulu kepada Setiausaha atau Jawatankuasa Pentadbiran dan menjelaskan segala hutangnya. (2) Status permohonan berhenti menjadi ahli berkuasa Pentadbir mengesahkannya. (3) Mana-mana ahli yang gagal mematuhi undang-undang Persatuan atau bertindak dengan cara yang akan mencemarkan nama baik Persatuan boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi suatu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabahkan oleh Jawatankuasa Pentadbir. Sebelum Jawatankuasa memecat atau menggantung ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungannya itu hendaklah dilaksanakan melainkan Mesyuarat Agung menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan oleh ahli tersebut. <p>Keanggotaan seseorang ahli juga akan hilang apabila salah satu atau kesemua perkara berikut berlaku:</p> <ol style="list-style-type: none"> (a) Meninggal dunia (b) Hilang akal |

| | |
|---------|---|
| | <p>(c) Dipecat oleh Jawatankuasa Pentadbir kerana gagal menjelaskan yuran 3 bulan</p> <p>(d) Berhenti atau tamat tempoh berkhidmat dengan Yayasan Selangor.</p> <p>(e) Ahli yang berhenti berkhidmat dengan Yayasan Selangor dan kemudian menerima masuk semula berkhidmat hendaklah memohon menjadi ahli baru seperti syarat-syarat permohonan ahli biasa.</p> |
| Fasal 8 | <p>MESYUARAT AGUNG:</p> <p>(1) Pengelolaan Persatuan ini terserah kepada Mesyuarat Agung ahli-ahli. Sekurang-kurangnya satu pertiga (1/3) daripada jumlah ahli biasa yang berhak mengundi atau tiga (3) kali ganda jumlah Ahli Jawatankuasa mengikut mana yang kurang, hendaklah hadir dalam Mesyuarat Agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi korum untuk mesyuarat.</p> <p>(2) Jika korum tidak cukup selepas setengah (1/2) jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak lebih daripada tiga puluh (30) hari) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa dan jika korum tidak cukup selepas setengah (1/2) jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa meminda undang-undang Persatuan dan membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli.</p> <p>(3) Mesyuarat Agung Tahunan bagi Persatuan hendaklah diadakan dengan secepat mungkin setelah berakhirnya tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada 31 Mac pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa. Kerja-kerja Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan ialah:</p> <p>(a) Menerima laporan Jawatankuasa berkenaan perjalanan Persatuan di dalam tahun lalu;</p> <p>(b) Menerima laporan Bendahari dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun yang lalu;</p> <p>(c) Memilih Ahli-ahli Jawatankuasa dan Pemeriksa Kira-kira untuk tahun yang akan datang</p> <p>(d) Menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu</p> <p>(4) Setiausaha hendaklah perkara-perkara lain hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan satu agenda mesyuarat termasuk salinan peringatan mesyuarat dan laporan serta penyata kira-kira Persatuan bagi tahun lalu diaudit. Salinan surat-surat ini hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat tempat urusan Persatuan.</p> <p>(5) Cara mengundi di dalam Mesyuarat Agung Persatuan untuk memutuskan sesuatu perkara yang dibincangkan boleh dibuat dengan cara mengangkat tangan atau secara sulit mengikut permintaan ahli yang hadir dan dengan persetujuan Pengerusi Mesyuarat.</p> <p>(6) Pengerusi berhak memberi undi pemutus jikalau terdapat undi yang sama banyak mahupun dalam Mesyuarat Agung Persatuan atau Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir.</p> <p>(7) Mesyuarat Agung Khas Persatuan ini boleh diadakan dalam keperluan seperti berikut:</p> <p>(a) Bila difikirkan mustahak oleh jawatankuasa</p> <p>(b) Atas Permintaan beramai-ramai secara bertulis dengan tidak kurang daripada satu perlima (1/5) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakannya. Permintaan ini hendaklah dihantar kepada Setiausaha Persatuan.</p> <p>(8) Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada suatu tarikh di dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh penerima mesyuarat itu.</p> <p>(9) Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada semua ahli sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk bermesyuarat.</p> <p>(10) Fasal 8 (1) dan (8) di dalam undang-undang ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah (1/2) jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli itu maka mesyuarat tersebut hendaklah dibatalkan dan dalam masa 6 bulan dari tarikh ini, Mesyuarat Agung Khas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidak boleh diadakan.</p> |
| Fasa 9 | <p>JAWATANKUASA:</p> <p>Jawatankuasa Pentadbir:</p> <p>(1) Persatuan ini ditadbirkan oleh sebuah Jawatankuasa tidak lebih dari Lima Belas (15) orang yang terdiri daripada:</p> <p>(a) Sebelas (11) orang yang dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> I. Seorang Yang Dipertua (YDP) II. Seorang Naib Yang Dipertua (NYDP) III. Seorang Bendahari IV. Lapan (8) orang ahli Jawatankuasa Biasa. |

- (2) Yang Dipertua diberi kuasa untuk memilih dan melantik Setiausaha dan Penolong Setiausaha. Sekiranya calon yang dipilih untuk Jawatan Setiausaha terdiri dari sebelas (11) orang jawatankuasa yang dipilih dalam Mesyuarat Agung maka Yang Dipertua diberi kuasa menggantikan kekosongan tersebut dengan melantik ahli yang lain.
- (3) Jawatankuasa Pentadbir diberi kuasa untuk melantik dua (2) orang jawatankuasa biasa sebagai tambahan.
- (4) Tempoh Pemilihan Jawatankuasa dibuat dua (2) tahun sekali. Walau bagaimanapun Mesyuarat Agung akan diadakan tiap-tiap tahun.
- (5) Semua jawatankuasa boleh dilantik semula setiap tahun atau setiap kali pemilihan.
- (6) Ahli Biasa sahaja yang boleh dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Pentadbir.
- (7) Pemegang-pemegang Jawatan Persatuan ini dan tiap-tiap Pegawai yang menjalankan tugas-tugas eksekutif dan persatuan ini hendaklah terdiri daripada Warganegara Malaysia.
- (8) Fungsi Jawatankuasa ialah mengelola dan mengaturnya kerja-kerja harian Persatuan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Persatuan mengikut dasar am yang telah ditetapkan oleh Mesyuarat Agung Persatuan. Jawatankuasa seharusnya tidaklah boleh mengambil tindakan yang bertentangan dengan keputusan Mesyuarat Agung yang tidak terlebih dahulu berhubungan dengannya dan Jawatankuasa hendaklah sentiasa mematuhi keputusan Mesyuarat Agung. Jawatankuasa hendaklah mengemukakan laporan berkenaan kegiatannya dalam tahun lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan.
- (9) Jawatankuasa Pentadbir hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali di dalam tempoh tiga (3) bulan dan hari pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli-ahli. Yang Dipertua dengan bersendirian, atau tidak kurang daripada empat (4) orang ahli Jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah (1/2) daripada bilangan ahli Jawatankuasa Pentadbir hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat.
- (10) Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan mesyuarat tidak dapat diadakan, maka setiausaha bolehlah mendapatkan kelulusan daripada ahli-ahli jawatankuasa secara pengedaran surat pekeliling. Syarat-syarat mengenainya seperti berikut mestilah disempurnakan sebelum keputusan jawatankuasa boleh dianggap sebagai telah diterima:
 - (a) Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibuktikan dengan terang di dalam surat pekeliling yang diedarkan kepada tiap-tiap Ahli Jawatankuasa.
 - (b) Sekurang-kurangnya setengah (1/2) daripada Ahli Jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka terhadap cadangan itu
 - (c) Keputusan hendaklah dengan undi terbanyak. Sebarang keputusan yang diperolehi melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha kepada Mesyuarat Jawatankuasa berikutnya untuk disahkan dan dicatatkan dalam peringatan mesyuarat.
- (11) Jika seorang Ahli Jawatankuasa meninggal dunia atau meletakkan jawatan atau hilang keanggotaan, maka calon yang kedua mendapat undi yang terbanyak di dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi kekosongan itu. Jika calon yang demikian tidak ada atau menolak jawatan itu, maka berkuasalah jawatankuasa melantik Ahli Persatuan yang lain memenuhi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung Tahunan diadakan (Bagi pemilihan dan lantikan yang dilakukan dalam Mesyuarat Agung). Sekiranya jawatan Yang Dipertua atau Naib Yang Dipertua atau Bendahari dikosongkan atas sebab letak jawatan atau atas sebab hilang keanggotaan, maka Jawatankuasa Pentadbir berhak melantik Pemangku bagi jawatan tersebut dikalangan Jawatankuasa Pentadbir hingga Mesyuarat Agung tahunan diadakan.
- (12) Jawatankuasa boleh memberi perintah kepada Setiausaha dan pegawai –pegawai lain untuk menjalankan urusan-urusan Persatuan dan melantik pengurus dan kakitangan yang difikirkan mustahak. Ia boleh menggantung atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, ingkar menjalankan keputusan jawatankuasa atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan Persatuan.
- (13) Jawatankuasa boleh menubuhkan jawatankuasa kecil yang difikirkan mustahak dan memberi kewajipan atau tugas khas kepada mana-mana Ahli Jawatankuasa.
- (14) Jawatankuasa Pentadbiran akan hilang jawatan apabila menepati kriteria-kriteria taraf keahlian seperti Fasal 7
- (15) Ahli Jawatankuasa Pentadbir yang mungkir atau gagal hadir Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir tiga (3) kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan atau sebab yang tidak munasabah akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan sebagai Ahli Jawatankuasa Pentadbir.

| | |
|---------|---|
| Fasa 10 | <p>KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI (JAWATANKUASA):</p> <p>(1) Kewajipan Pegawai:</p> <p>(a) Yang Dipertua:</p> <ol style="list-style-type: none"> I. Yang Dipertua menjadi Ketua untuk memimpin Persatuan dan mempengerusikan semua Mesyuarat Agung dan Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir. II. Mempunyai undi pemutus. III. Menandatangani peringatan-peringatan/ minit mesyuarat yang telah diluluskan. IV. Menandatangani semua cek-cek Persatuan bersama-sama dengan Bendahari. <p>(b) Naib Yang Dipertua:</p> <ol style="list-style-type: none"> I. Naib Yang Dipertua membuat menjalankan tugas-tugas Yang Dipertua. II. Memangku dan menjalankan tugas-tugas yang Dipertua pada masa kekosongan jawatan Yang Dipertua sehingga Mesyuarat Agung diadakan. <p>(c) Setiausaha:</p> <p>Setiausaha menjadi Pegawai Kerja bagi Jawatan Pentadbir dan tugas-tugas kewajipannya termasuk:</p> <ol style="list-style-type: none"> I. Menyimpan segala rekod-rekod Persatuan termasuk daftar-daftar ahli yang mengandungi butir-butir peribadi seperti Nama, tempat, tarikh lahir, no k/p, pekerjaan, alamat rumah dan butir yang terkandung dalam borang keahlian dan bertanggungjawab terhadapnya. II. Menjalankan urusan Setiausaha bagi Mesyuarat Agung dan Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir termasuk menyimpan dan menyediakan segala minit mesyuarat. III. Menjadi salah seorang penandatangan cek-cek Persatuan. IV. Hendaklah dalam tempoh 60 hari daripada tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan, menghantar penyata tahunan Persatuan kepada Pendaftar Pertubuhan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 14(1) Akta Pertubuhan, 1966. <p>(d) Penolong Setiausaha</p> <ol style="list-style-type: none"> I. Penolong Setiausaha hendaklah membantu Setiausaha dalam menjalankan tugas-tugas Setiausaha. II. Memangku dan menjalankan tugas-tugas Setiausaha semasa ketiadaan Setiausaha. <p>(e) Bendahari:</p> <ol style="list-style-type: none"> I. Bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Persatuan. II. Menyimpan segala kira-kira kewangan Persatuan. III. Menerima dan menyimpan segala wang Persatuan mengikut kehendak Perlembagaan dan peraturan-peraturan yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pentadbir. IV. Mengeluarkan wang bagi pembayaran mengikut arahan Jawatankuasa Pentadbir. V. Membenteng penyata kira-kira kewangan pada setiap kali Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir dan Mesyuarat Agung Persatuan. VI. Menjadi penandatangan wajib semua cek-cek Persatuan bersama-sama dengan Yang Dipertua atau Setiausaha. <p>(f) Ahli-Ahli Jawatankuasa Biasa.</p> <p>Ahli-Ahli Jawatankuasa Biasa bertanggungjawab bersama dalam Pentadbiran dan Pemimpin Persatuan dan menjalankan tugas-tugas yang diserahkan kepadanya oleh Jawatankuasa Pentadbir.</p> |
| Fasa 11 | <p><u>KEWANGAN:</u></p> <p>(1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan dalam undang-undang ini, wang Persatuan ini boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Persatuan termasuklah belanja pentadbiran, bayaran, gaji, elaun, pembiayaan dan pembelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan bergaji serta upah memeriksa kira-kira. Walau bagaimanapun wang itu tidaklah boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman oleh mahkamah.</p> <p>(2) Bendahari dibenarkan menyimpan wang runcit tidak lebih daripada RM500.00 (Ringgit: Ratus sahaja) pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam bank yang diluluskan oleh Jawatankuasa dalam tempoh tujuh (7) hari. Kira-kira bank itu hendaklah di atas nama Persatuan.</p> <p>(3) Segalan cek atau kenyataan pengeluaran wang daripada kira-kira Persatuan hendaklah ditandatangani bersama Yang Dipertua/Setiausaha dan Bendahari.</p> |

| | |
|----------|---|
| | <p>(4) Semasa ketiadaan yang Dipertua, Setiausaha dan Bendahari maka bolehlah Jawatankuasa melantik sesiapa di antara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani cek atau kenyataan pengeluaran wang Persatuan.</p> <p>(5) Perbelanjaan yang lebih daripada RM5, 000.00 (Ringgit: Lima Ribu sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir.</p> <p>(6) Perbelanjaan yang kurang dari RM5, 000.00 (Ringgit: Satu Ribu sahaja) atau sejumlah perbelanjaan segera yang bersifat kecemasan bagi sesuatu masa boleh diluluskan terlebih dahulu oleh Yang Dipertua secara bersama dengan Setiausaha dan Bendahari dan kemudiannya hendaklah dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir untuk mendapatkan pengesahan.</p> <p>(7) Perbelanjaan yang lebih daripada RM100, 000.00 (Ringgit: Satu Ratus Ribu) bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran Mesyuarat Agung terlebih dahulu.</p> <p>(8) Penyata darihal wang yang diterima dan dibelanjakan serta kunci kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari atau mana-mana Jawatankuasa yang dilantik oleh Jawatankuasa Pentadbir bagi mengendalikannya hal kewangan Persatuan dan diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira yang dilantik dibawah Fasal 12 undang-undang ini dengan seberapa segera setelah tamatnya tahun kewangan.</p> <p>(9) Penyata Kira-kira yang telah diauditkan ini hendaklah dikemukakan untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan yang berikutnya dan salinannya hendaklah dibekalkan untuk maklumat ahli di alamat tempat urusan Persatuan.</p> <p>(10) Tahun Kewangan Persatuan ini bermula dari 1hb Januari dan berakhir pada 31 Disember tiap-tiap tahun.</p> <p>(11) Punca Kewangan Persatuan adalah seperti berikut:-</p> <p>(a) Yuran</p> <p>(b) Derma atau sumbangan</p> <p>(c) Hasil yang didapati daripada usaha dan aktiviti ekonomi Persatuan.</p> <p>(d) Keuntungan yang diperolehi dari harta yang dimiliki oleh Persatuan.</p> <p>(e) Punca-punca lain yang halal di sisi undang-undang.</p> |
| Fasal 12 | <p><u>PEMERIKSA KIRA-KIRA:</u></p> <p>(1) Dua (2) orang Pemeriksa Kira-kira yang bukan Ahli Jawatankuasa Pentadbir hendaklah dilantik 2 tahun sekali (1 penggal) bersama-sama pemilihan Jawatankuasa Pentadbir iaitu semasa Mesyuarat Agung Tahunan.</p> <p>(2) Pemeriksa kira-kira yang sama tidak boleh dipilih semula secara berturut-turut penggal.</p> <p>(3) Sekiranya pemeriksa kira-kira berhenti atau hilang keanggotaan atas sebab seperti di Fasal 7, maka Jawatankuasa Pentadbir berhak melantik mana-mana ahli Persatuan untuk menggantikannya.</p> <p>(4) Pemeriksa kira-kira adalah dikehendaki memeriksa kira-kira Persatuan bagi setiap tahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk Mesyuarat Agung Persatuan.</p> <p>(5) Pemeriksa kira-kira juga berhak diminta oleh Yang Dipertua dan Jawatankuasa Pentadbir pada bila-bila untuk memeriksa kira-kira Persatuan dan membuat laporan kepada Jawatankuasa Persatuan.</p> |
| Fasal 13 | <p><u>PEMEGANG AMANAH:</u></p> <p>(1) Persatuan ini boleh memiliki harta termasuk tanah, saham perniagaan dan anak syarikat.</p> <p>(2) Tiga (3) orang Pemegang Amanah yang berumur lebih daripada 21 tahun hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung Persatuan dan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh Persatuan.</p> <p>(3) Semua harta tetap kepunyaan Persatuan diamanahkan kepada Pemegang Amanah yang dilantik dengan menandatangani Surat Amanah (Deed Of Trust)</p> <p>(4) Pemegang Amanah tidak boleh menjual, menarik balik atau memindahkan hakmilik harta kepunyaan Persatuan dengan tidak mendapat kelulusan dan kuasa yang diberikan oleh Mesyuarat Agung Persatuan.</p> <p>(5) Seseorang Pemegang Amanah itu boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh Mesyuarat Agung Persatuan disebabkan uzur kerana penyakit, tidak siaman, tidak berada di dalam negeri bagi satu tempoh yang difikirkan oleh Jawatankuasa bahawa beliau tidak dapat menjalankan tugas dengan memuaskan atau kerana sebab lain yang mengakibatkan ia tidak boleh menjalankan tugas-tugas atau pekerjaannya dengan memuaskan atau sebab-sebab yang difikirkan oleh Mesyuarat Agung Persatuan bahawa beliau tidak layak lagi memegang jawatan. Jika berlaku kematian, perletakan jawatan atau pemecatan seseorang Pemegang Amanah maka kekosongan itu boleh dipenuhkan oleh Pemegang Amanah yang baru yang dilantik di dalam Mesyuarat Agung Persatuan.</p> |

| | |
|----------|---|
| Fasal 14 | <p><u>TAFSIRAN UNDANG-UNDANG:</u></p> <p>(1) Di antara berlangsungnya Mesyuarat Agung Persatuan, Jawatankuasa boleh memberikan tafsiran kepada undang-undang ini dan Jawatankuasa, jika mustahak, boleh memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang ini:</p> <p>(2) Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat dalam Mesyuarat Agung keputusan Jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan Mesyuarat Agung.</p> |
| Fasal 15 | <p><u>PENASIHAT DAN PENAUGAN:</u></p> <p>(1) Jawatankuasa boleh, jika difikirkan perlu, melantik orang-orang yang layak menjadi Penaung dan Penasihat bagi Persatuan ini.</p> |
| Fasal 16 | <p><u>LARANGAN:</u></p> <p>(1) Persatuan tidak boleh menjalankan atau terlibat dalam permainan yang disebutkan di bawah ini samada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak atau atas nama pegawai atau mana-mana Jawatankuasa:</p> <p>(a) Roulette, Lotto, Fan Tan, Poh, Peh Bin, Belangkai, Pai Kau, Tau Ngau, Tiew Kow, Chap Ji Kee, Sam Cheong:</p> <p>(b) Dua Puluh Satu, Tiga Puluh Satu, Sepuluh dan Setengah:</p> <p>(c) Semua permainan dadu, banker's game dan semua permainan yang bergantung semata-mata kepada nasib (perjudian).</p> <p>(2) Persatuan ini tidak boleh menjalankan loteri samada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama Persatuan atau pegawai-pegawai atau Jawatankuasa atau Ahli tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan.</p> <p>(3) Persatuan ini adalah dilarang daripada mempunyai pergabungan atau perhubungan dengan mana-mana pertubuhan di luar negara.</p> <p>(4) Persatuan atau ahli-ahlinya yang tidak harus cuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau menghalang man-mana ahlinya mengambil peranan di dalam gerakan kesatuan sekerja seperti definisi yang diperuntukan dalam Akta Kesatuan Sekerja 1959.</p> <p>(5) 'Faedah' seperti yang diterangkan di bawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966, tidaklah boleh diberikan oleh Persatuan kepada mana-mana ahlinya.</p> |
| Fasal 17 | <p><u>PINDAAN UNDANG-UNDANG:</u></p> <p>(1) Undang-undang ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung.</p> <p>(2) Permohonan untuk perubahan atau pindaan kepada undang-undang ini hendaklah dibuat kepada Pendaftaran Pertubuhan dalam masa enam puluh (60) hari daripada tarikh keputusan Mesyuarat Agung Persatuan yang meluluskan perubahan dan pindaan itu dan hanya boleh dikuatkuasakan mulai daripada tarikh perubahan atau pindaan itu diluluskan oleh Pendaftaran Pertubuhan.</p> |
| Fasal 18 | <p><u>PEMBUBARAN:</u></p> <p>(1) Persatuan ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada 3/5 daripada ahli-ahli biasa yang hadir di dalam Mesyuarat Agung yang dipanggil khas kerananya.</p> <p>(2) Sekiranya Persatuan hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas, maka disyaratkan di atas segala harta hendaklah digunakan:-</p> <p>(a) Untuk menjelaskan hutang-hutang dan tanggungan Persatuan yang sah mengikut undang-undang dan</p> <p>(b) Jika ada baki bolehlah dibahagikan atau didermakan mengikut keputusan Mesyuarat Agung yang diadakan untuk membubarkan Persatuan.</p> <p>(c) Kenyataan bersabitkan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftaran Pertubuhan dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh pembubaran itu.</p> |

***Disediakan oleh:
Jawatankuasa Persatuan Kebajikan, Sukan dan Kebudayaan
Kakitangan Yayasan Selangor***